

Utusan Malaysia - 16 Mac 2012

Belia Malaysia dilambung tsunami Jepun

Oleh AKHRAMSYAH MUAMMAR UBAIDAH SANUSI

PENULIS ialah Pengerusi, MAYC Global Relief

ANTARA tanggungjawab utama mana-mana pemimpin organisasi belia adalah melaksanakan program membina jati diri, mengasuh nilai-nilai murni seperti budi pekerti dan mendedahkan golongan muda kepada ilmu serta pengalaman yang tak dapat dikecapi dengan usaha peribadi.

Pada 16 Oktober tahun lepas, 20 belia sukarelawan dari kelab-kelab gabungan MAYC seluruh negara telah ke Jepun untuk menyertai kerja-kerja pemulihan pasca tsunami yang melanda pesisir timur laut Pulau Honshu pada 11 Mac 2011.

Pemergian mereka ke Jepun selama 10 hari adalah hasil kerjasama **MAYC Global Relief** bersama rakan NGO kami di Jepun, Peace Boat. Sepanjang masa di Jepun, para sukarelawan Malaysia bertindak bukan sekadar tenaga kerja tugas pemulihan, tetapi juga secara langsung mengharumkan nama baik negara sambil menaikkan semangat para penduduk setempat yang melihat golongan belia dari negara asing pun sedia berganding bahu membantu mereka dalam usaha baik pulih, walau tujuh bulan sudah berlalu sejak bencana melanda.

Bencana kadang melanda di setiap penjuru dunia dan lazimnya, sukarelawan dari Malaysia menumpukan usaha dan sumbangan pemulihan ke negara-negara membangun atau serantau.

Namun **MAYC Global Relief** memilih untuk menghantar sukarelawan ke Jepun. Kami laksanakan tugas ini atas dasar memupuk nilai membalas budi dengan mengirim tenaga kerja seberapa mampu kepada sebuah negara dan masyarakat yang amnya telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara kita sejak merdeka lagi.

Jepun sebagai negara yang kaya serta maju teknologinya, tidak memerlukan apa-apa sumbangan peralatan mahupun kewangan untuk membaik pulih kawasan yang dilanda tsunami. Tetapi apa mereka benar-benar kekurangan adalah tenaga kerja belia untuk melaksanakan kerja-kerja yang sudah pun dikenal pasti.

Sesungguhnya, sumbangan negara bangsa Jepun menjangkau lebih dari apa yang dikecapi oleh rakyat Malaysia amnya hasil dari pelaburan ekonomi mahupun perpindahan teknologi dari syarikat-syarikat terkemuka negara tersebut. Sejak mantan Naib Presiden MAYC, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengemukakan Dasar Pandang Ke Timur sebagai salah satu dasar pembangunan negara, MAYC telah menerapkan nilai Bushido kepada ahli-ahlinya melalui pendekatan MENJAROH.

MENJAROH, atau pendekatan MENTal, JAsad dan ROH, menerapkan ciri-ciri Amanah, Berani, Disiplin, Rajin serta Setia dalam program-program belia yang merangkumi aspek-aspek politik, ekonomi dan masyarakat.

Kelima-lima ciri ini seiras dengan pembawaan Bushido yang diterapkan ke seluruh masyarakat Jepun dari zaman pra-Sengoku Jidai, yakni hampir 10 abad yang lepas, hinggalah ke sekarang, menerusi prinsip-prinsip koprat syarikat-syarikat gergasi seperti Mitsubishi, Mitsui, Sumitomo dan sebagainya.

Maka budi yang dibalas oleh para sukarelawan **MAYC Global Relief** di kawasan tsunami adalah dari jasa penerapan nilai jati diri organisasi belia kami sendiri sepanjang lebih tiga dekad lamanya. Pada masa yang sama, ia juga memberikan peluang atau cara baru untuk golongan belia Malaysia merapatkan silaturahim dengan para belia Jepun. Sesungguhnya hubungan yang terjalin hasil bantuan pada masa mereka kesusahan kami harap akan menghasilkan talian yang utuh buat usaha jangka masa panjang.

Mengejar Ilmu, Menyelami Budaya

Manfaat tambahan yang juga dikecapi oleh sukarelawan ke Ishinomaki, Jepun tersebut adalah ilmu dalam bidang penyelenggaraan sukarela serta baik pulih bencana. Walau tempoh mereka ke sana hanyalah beberapa hari, ilmu yang ditimba dengan penyertaan dalam misi pertama ini sudah pun kami mula terapkan dalam rencana pembangunan organisasi MAYC Global Relief, termasuklah perancangan misi kedua kami ke sana yang dirancang untuk penghujung bulan April atau awal Mei tahun ini.

Selain itu, kebetulan kerja-kerja pemulihan ekonomi yang melibatkan sukarelawan mendedahkan mereka kepada pengalaman yang tak mungkin dialami di negara sendiri. Contohnya, sukarelawan di Ishinomaki telah ditugaskan untuk membantu masyarakat nelayan mempercepatkan proses penyemaian tiram-tiram di pesisir pantai. Tugasan tersebut bukanlah ringan kerana cabaran fizikal, termasuklah menahan kesejukan yang tak lazim dirasai di Malaysia. Namun sukarelawan bersemangat hasil pengalaman baru yang dikecapi.

Sukarelawan juga dipupuk dengan budaya kerja Jepun yang berdisiplin tanpa mengira tugasan mahupun jawatan. Ini sebahagian daripada rencana jangka masa panjang MAYC Global Relief untuk membina organisasi yang menawarkan pengalaman bersukarela yang berlainan bagi golongan belia.

Menurut Ketua Misi Pertama, Saiful Anuar Baig, "Sebagai sukarelawan **MAYC Global Relief** menggunakan pendekatan berlainan yakni pergi membantu selepas keadaan bencana sudah reda, tetapi masih ada lagi keperluan bantuan tenaga kerja belia untuk memulihkan kembali kawasan yang terjejas. Ini juga memberi peluang sukarelawan kami menimba ilmu dan pengalaman yang boleh dibawa pulang seperti proses mengitar semula sisa bencana tsunami yang diamalkan di Jepun."

Walaupun tsunami amnya membinasakan, di Jepun kami harap pengalaman menyertai kerja baik pulih pasca tsunami ini melambung nilai kualiti dan taraf anak-anak muda kita ke tahap yang setanding dengan mana-mana kumpulan belia di peringkat global.